

UMS perkenal Shorinji Kempo

KOTA KINABALU: Sukan seni mempertahankan diri Shorinji Kempo bakal diperkenalkan kepada mahasiswa.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadi institusi pengajian tinggi pertama di negara ini yang menjadikan sukan seni mempertahankan diri itu sebagai salah satu kurikulumnya.

Jika tiada sebarang masalah ianya bakal bermula Jun ini, kata Setiausaha Persekutuan Shorinji Kempo Malaysia Iskandar Ahmad di sini kelmarin.

"Sebagai permulaan kita menjangkakan hanya 60 mahasiswa akan menyertai Shorinji Kempo apabila kita memulakannya pada Jun nanti," katanya lagi.

Bagaimanapun Iskandar tidak menyatakan tarikh sukan itu mula diperkenalkan di UMS dan hanya berkata ia mungkin bermula pada awal Jun.

Beliau memberitahu tarikh mulanya sukan itu diperkenalkan di UMS masih belum ditetapkan "tetapi apa yang pasti kami akan memulakannya pada Jun nanti."

Iskandar yang akan menjadi jurulatih untuk sukan itu di UMS nanti berkata besar kemungkinan Shorinji Kempo akan turut menubuhkan kelab di UMS.

"Bagaimanapun buat permulaan kita lebih menumpukan usaha untuk memperkenalkan seni mempertahankan diri ini kepada mahasiswa," katanya lagi.

Sementara itu David Hiew, jurucakap persekutuan tersebut, berkata Shorinji Kempo akan menubuhkan satu lagi cawangan-nya iaitu di Lok Kawi.

Katanya penubuhan itu membantu memperkembangkan dan mempromosikan lagi seni mempertahankan diri tersebut.

Menurutnya pihaknya juga berharap cawangan Lok Kawi apabila ianya ditubuhkan nanti mampu untuk bergerak aktif.

"Ketika ini usaha untuk menubuhkannya masih lagi dalam proses dan kami berharap ia dapat beroperasi pada bulan depan," katanya.

David Hiew memberitahu Shorinji Kempo ketika ini mem-

punyai enam cawangan tetapi hanya tiga sahaja yang aktif.

Cawangan itu termasuklah Sandakan, Tawau, Penampang, Tamparuli, Kota Belud dan juga Kota Kinabalu.

Bagaimanapun hanya Tamparuli, Kota Belud dan Kota Kinabalu sahaja masih lagi aktif berbanding dengan Sandakan, Tawau dan juga Penampang.

"Pertukaran tempat bertugas atau berhijrah ke tempat lain menyebabkan Sandakan, Tawau dan Penampang tidak lagi aktif seperti dulu," katanya.

David Hiew juga memberitahu selain UMS, seni mempertahankan diri itu juga akan diperkenalkan kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Sabah.

Beliau berkata Shorinji Kempo akan menghantar jurulatihnya untuk mengendalikannya sesi latihan di institusi pengajian tinggi itu.

"Institusi pengajian tinggi telah meletakkan seni mempertahankan diri termasuklah Shorinji Kempo sebagai salah satu kurikulum untuk mahasiswa," katanya lagi.